

Submission date: 1 Januari 2024 Acceptance date : 11 Jun 2024 Available online: 13 Jun 2024

**MUHAMMAD ABDUH DAN PERANANNYA DALAM AKHBAR
*AL-WAQĀ'I' AL-MISRĪYYAH***

**MUHAMMAD ABDUH'S ROLE IN *AL-WAQĀ'I' AL-MISRĪYYAH*,
AN OFFICIAL EGYPTIAN GAZETTE**

ⁱ*Ahmad Nabil Amir, ⁱⁱTasnim Abdul Rahman

ⁱInternational Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC-IIUM),
50480 Kuala Lumpur, Malaysia

ⁱⁱFakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA),
Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus Terengganu, Malaysia

Corresponding Author; e-mail: *nabiller2002@gmail.com

DOI : <https://doi.org/10.61465/jurnalyadim.v4.144>

ABSTRAK

Artikel ini meneliti peranan Muhammad Abduh (1849-1905) dalam kerjayanya sebagai ketua editorial akhbar *al-Waqā'i' al-Misriyyah* (الواقع المصرية) sejak tahun 1880. Ia melihat perjalanan kariernya dan pelbagai tribulasi yang ditempuh sepanjang penglibatannya dalam bidang kewartawanan. Kepimpinannya ini penting dalam konteks kebangkitan akhbar Mesir khususnya *al-Mu'ayyad* dan *al-Waqā'i' al-Misriyyah* sebagai surat khabar rasmi pemerintah bagi mengembangkan cita pemodenan dan mempengaruhi pandangan umum di Mesir. Ia memberi kesan penting yang memungkinkannya memainkan peranan dalam mengembangkan harkat bahasa, meningkatkan kekuatan pengaruh akhbar juga kewartawanan di samping menggerakkan kesedaran umum tentang percaturan politik serta budaya yang bergelora dalam perkembangan semangat nasionalisme dan kesedaran sosial di Mesir. Penulisan dan rencana politiknya merangkumi tempoh pentadbiran Riyad Pasha, pentadbiran Sharif dan zaman pergolakan. Artikel ini menyorot ide-ide yang dilontarkannya tentang pembaharuan sosial dan spiritual, serta persoalan-persoalan pendidikan, agama dan sosio-budaya yang bersangkutan. Metode kajian adalah berdasarkan kaedah dokumentasi dan pembukuan. Data-data kajian ditinjau secara deskriptif, analitik dan komparatif. Kesimpulan kajian mendapati perkembangan yang dinamik dan produktif di masa kepimpinan Abduh menerajui akhbar *al-Waqā'i' al-Misriyyah* yang berhasil mengangkat persoalan masyarakat. Hal ini sekaligus

menarik kesedaran tentang ihwal mutakhir dalam dunia politik juga akhbar serta mempertahankan kepentingan etika dan nilai kewartawan.

Kata kunci: *al-Waqā'i' al-Misriyyah, Mesir, Muhammad Abduh, akhbar*

ABSTRACT

The article discusses the role of Muhammad Abduh (1849-1905) in his illustrious career as leading editor of *al-Waqā'i' al-Misriyyah* (الواقع المصرية) [Egyptian Events] an official Egyptian gazette. It brings profound impact in the field of journalism in the context of rising popularity of *al-Waqā'i' al-Misriyyah* during his editorship (1880-1882), that established its reputation as leading Egyptian newspapers highlighting unprecedented socio-cultural and religious reform undertaken by the establishment, in the midst of phenomenal and competitive growth of independent press. His writing was instrumental in developing national consciousness toward modernization program and influencing public opinion in Egypt. It allowed for better development of formidable national spirit and awakening their higher ideal and convention in language, literature and culture as well as mobilizing social awareness of intense political and cultural dynamics. His career span the period of Riyad Pasha and Sharif's administration and subsequent political unrest. The research is based on qualitative and documentation technique. It reviewed accumulated data by way of descriptive, analytical, historical and comparative method. The finding shows that *al-Waqā'i'* has assumed unprecedented influence and success during the editorship of Abduh through his dynamic and productive articles and rigorous daily basis of production of the newspaper that help to raise public issues and concern and attract awareness of global political situation as well as defending the significance value, norms and ethics of journalism.

Keywords: *al-Waqā'i' al-Misriyyah, Egypt, Muhammad Abduh, press*

PENDAHULUAN

Artikel ini membahas peranan Muhammad Abduh (1849-1905) dalam akhbar *al-Waqā'i' al-Misriyyah* (الواقع المصرية) yang diterajunya sejak 1880. Penglibatannya dalam akhbar telah membawa pengaruh bermakna dalam jaringan intelektual dan aktivisme meluas yang ditimbulkan oleh perkembangan yang mengesankan dalam kegiatannya sebagai aktivis dan jurnalis terkemuka dalam ranah intelektual di Mesir pada akhir abad ke 19. Dengan perantaraan akhbar, ia beroleh kesempatan untuk mengartikulasikan pandangan-pandangan sosial, politik dan kesusasteraannya, serta mengembangkan nilai pembaharuan juga penafsiran Islam yang global. Menurut Ammeke Kateman, "ideanya merespon kepada politik

tempatan, mengikutsertakan tradisi Islam, mencerminkan persahabatan dan permusuhan – selain caranya mereka mengambil bahagian dalam perkembangan global” (2019: 3). Bentuk penafsirannya yang kreatif ini telah memungkinkan terbentuknya jaringan khalayak dan pengikut yang luas, yang menunjukkan keghairahan terhadap usaha pengembangan dan pembaharuan yang dipeloporinya dalam menegakkan orde moral (Osman Amin, 1946: 153), mengembangkan nilai kemaslahatan dan kebijakan, dan menzahirkan kekuatan politik, agama, budaya, seni serta kemasyarakatan.

Konteks persuratkhabaran yang berkembang di Mesir juga memungkinkan penjalaran dan penyebaran ide-idenya yang berpengaruh dalam mendorong kesedaran terhadap nilai-nilai rasional dan plural (*jama'i*) selain meledakkan semangat kebebasan dan pembaharuan. Faham serta praktik kebebasan ini dikembangkan oleh ide-ide radikal yang diperjuangkan dan digembelingnya yang memberikan pengaruh menentukan di tengah-tengah ranah sosio-budaya, pengaliran proses sekular dan gejolak revolusi yang mengesankan.

Sejak di bangku persekolahan lagi, Abduh telah menyumbangkan tulisan-tulisannya kepada akhbar dan minat serta kegiatannya dalam bidang kewartawanan tidak pernah memudar sehingga ke akhir hayatnya. Hubungan dan pengalaman yang rencam yang diperolehnya telah memperluaskan dan mencerahkan pandangan agamanya, memberikan tarikan besar kepada generasi moden di mana-mana dunia Islam.

Dalam perkembangan negara Mesir yang moden, bahagian yang dimainkan oleh akhbar jauh lebih penting daripada kebanyakan negara Barat, dan suatu kenyataan yang menarik bahawa kebanyakan pelopor pembaharuan di Mesir memulakan kerjayanya sebagai penulis dalam akhbar, seperti Mustafa Kamil (1874-1908), Sa'ad Zaghlul (1859-1927), Ahmad Mahir (w. 1945), Taha Husayn (1889-1973), 'Abbas Mahmoud al-'Aqqad (1889-1964), Muhammad Husayn Haykal (1888-1956) dan Muhammad Abduh (1849-1905). Pencapaian teknikal Abduh dalam bidang kewartawanan sahaja cukup untuk membuatkannya dikenang sebagai salah seorang perintis penting dalam pembangunan ranah persuratkhabaran di Mesir.

Tempoh yang paling penting dari kerjaya kewartawanannya adalah tatkala beliau menjadi ketua editor akhbar rasmi pemerintah Mesir “*al-Waqā'i'* *al-Misriyyah* (Okttober 1880-September 1882) (Sawi, 1954:2). Meski akhbar ini menjadi lidah rasmi pemerintah, beliau menunjukkan sikap serta pandangan yang tersendiri dalam upayanya membela suara-suara yang tertindas dari kelompok kiri dalam kalangan pekerja dan aktivis serta lantang

mengkritik dasar-dasar pemerintah yang represif. Tulisannya menzahirkan corak serta pandangan kewartawan yang seimbang dengan melontarkan aspirasi sosial dan kebebasan, menegakkan dasar dan nilai-nilai pemikiran yang rasional dan progresif. Hasrat perubahan ini diperjuangkan dengan tuntas dalam akhbar yang dipimpinnya telah membawa pengaruh dan kesedaran akliyah yang meluas dalam kalangan orang ramai, terutamanya terhadap kondisi sosio-budaya dan ekonomi masyarakat Mesir yang terkebelakang. Selain prihatin terhadap nasib kaum marhaen yang tertindas.

Kajian terdahulu dan materi-materi yang bersangkutan yang dirujuk dalam kajian ini, terutamanya adalah kitab *Tārīkh al-Ustādh al-Imām al-Shaykh Muhammad ‘Abduh* yang disusun oleh muridnya, Muhammad Rashid Rida (1931). Kitab ini terdiri daripada tiga jilid tebal yang mencatatkan biografi dan perjalanan kariernya yang terperinci, kumpulan artikel serta penulisan-penulisannya (jilid kedua, 1908), selain syair serta elegi yang ditulis pada masa kewafatannya (jilid ketiga, 1909). Jilid pertama menyediakan sumber yang lengkap tentang kehidupan dan hasil karya dan rencana-rencananya yang tidak diterbitkan di media yang dikeluarkan semula dalam *Tārīkh*. Sumber-sumber lain tentang karier Abduh adalah buku yang dihasilkan oleh C.C. Adams (1933) bertajuk *Islam and Modernism in Egypt: A Study of the Modern Reform Movement Inaugurated by Muhammad Abduh*. Ia memuatkan suatu bab ringkas membincangkan latar belakang kehidupan, perkembangan karier penulisan serta keterlibatannya sebagai wartawan sebagai memenuhi permintaan dan panggilan daripada pemerintah. Tesis sarjana persuratan yang ditulis oleh Ahmad Husayn Sawi (1954) di Universiti McGill bertajuk “*Muhammad ‘Abduh and Al-Waqa‘i’ al-Misriyah*” turut memberikan liputan yang terperinci tentang latar belakang kerjayanya sebagai wartawan dan ketua editorial di akhbar *al-Waqa‘i’ al-Misriyyah* dan kepentingannya dalam ranah persuratkhabaran di Mesir yang menjadi acuan dalam penulisan ini. Ia merujuk kepada sumber-sumber asal dari lembaran bercetak akhbar *Al-Waqa‘i’ al-Misriyah* yang tersimpan di Perpustakaan Nasional Kaherah, termasuk artikel-artikel yang tidak diterbitkan oleh Rida, dan juga berita-berita tempatan yang disiarkan ketika tercetusnya pemberontakan ‘Urabi. Sawi turut merujuk kepada karya Dr. Ibrahim ‘Abduh (1949) tentang perkembangan organ-organ penyiaran dan percetakan di Mesir, khasnya *Al-Waqa‘i’ al-Misriyah* yang menjadi pelantar kepada penulisan Abduh.

Justeru artikel ini bermaksud menyingkap latar belakang sejarah penglibatan Abdurrahman dalam ranah kewartawanan dan penyiaran akhbar *al-Waqā'i' al-Misriyyah* yang telah membawa perubahan yang bermakna khasnya dalam konteks perkembangan intelektual dan transformasi pemikiran di Mesir.

METODOLOGI

Kajian ini bersifat kualitatif dari jenis penelitian kepustakaan dan dokumentasi. Data serta maklumat diperoleh dari sumber-sumber primer juga sekunder berupa buku, majalah, surat khabar, manuskrip, disertasi, bahan-bahan internet dan elektronik yang lain. Penganalisisan bahan dilakukan secara deskriptif, analitik, historis dan komparatif, bagi mencapai penemuan akhir yang saintifik dan akurat.

HASIL DAN PEMBAHASAN

Pendedahan awal Abdurrahman tentang dunia kewartawanan dimulai dari perkenalannya dengan Jamaluddin al-Afghani di Mesir. Pertemuan ini telah menariknya ke dalam pengalaman-pengalaman tersendiri dalam dunia falsafah dan intelektual. Terkesan dengan pengaruh Afghani, yang mendedahkannya kepada pengaruh agama, falsafah dan budaya yang kompleks yang mempengaruhi pembentukan intelektualnya (Oliver Scharbrodt, 2022) Abdurrahman terdorong ke dalam dunia penulisan dan kefalsafahan Barat. Kehidupan intelektualnya diwarnai oleh kesan-kesan falsafah yang rasional dan tersendiri yang kemudiannya dimaknai oleh perjuangan serta ranjau perjalannya dalam kancah politik. Kesan ini turut dibayangkan dalam tulisan-tulisan mistik dan falsafahnya yang menyingkap pengaruh kolonialisme dan imperialism di Mesir. Ini selari dengan penglibatannya dalam harkat kewartawanan dan persuratkhabaran sepanjang era tersebut yang berpuncak dengan kebangkitan rakyat yang digerakkan oleh pemberontakan massal yang dipimpin oleh 'Urabi Pasya.

Abdurrahman mulai ditunjuk sebagai ketua redaktur akhbar *al-Waqā'i' al-Misriyyah* sejak tanggal Oktober 1880 sampai September 1882. Selain menulis rencana dan artikel dalam berbagai topik, beliau menjawat secara ex-officio sebagai Ketua Biro Akhbar, yang bertanggungjawab memantau dan menapis penerbitan-penerbitan dalam bahasa Turki dan Arab, dan menggunakan wewenangnya sebaik mungkin untuk menaikkan standardnya dari

segi gaya dan isi. Hal yang dikira menakjubkan, bagi seorang Mashayikh Azhar, sebagaimana diimbau oleh Muhammad Rashid Rida dalam kitab *Tārīkh*-nya:

“Adalah luarbiasa untuk melihat fungsi ganda “Syeikh Azhar yang berserban ini” yang berpartisipasi dalam urusan pemerintah yang kegiatannya jauh terpisah dari dunia ulama dan ahli agama, meninjau keluar dari jendela kamar editorialnya ke dalam Kementerian dan Mahkamah-Perundangan dan Perkhidmatan Kerajaan, memperbaiki gaya persuratan petugas mereka dan mengarahkan mereka untuk menambahbaik kerja mereka; kemudian meninjau dari jendela yang lain ke dalam masyarakat Mesir, memperbetulkan moralnya dan memperbaharui adat istiadatnya yang rosak...; kemudian meninjau dari jendela ketiga ke dalam suratkhabar Arab, mengajarkannya gaya editorial yang halus dan melatihnya untuk melaporkan kebenaran” (Muhammad Rashid Rida, 1931: 139).

Memandangkan penyandangan jawatannya sebagai ketua editor “*al-Waqā'i' al-Misriyyah*” bersamaan dengan zaman pergerakan nasionalis yang dipimpin oleh Ahmad ‘Urabi, dan memandangkan setiap orang yang berurusan dengan hal ehwal awam pada masa itu tidak dapat lari daripada terserap dalam aktiviti politik, ‘Abduh muncul ke tengah pentas hal ihwal negara, di mana beliau memainkan peranan yang signifikan.

Sejak kurun ke sembilan belas, Mesir telah menjadi pusat yang tak terbantahkan dari pemikiran dan kebudayaan Arab, dan akhbar Arabnya mempunyai pengaruh yang besar ke atas perkembangan kesusasteraan, sosial, serta politik di seluruh tanah Arab. Surat khabar Arab yang pertama, di bawah autokrasi penuh Muhammad ‘Ali, dibentuk sebagai organ pemerintah, dan juga sebagai akhbar pertama dalam wilayah Arab di bawah pemerintahan langsung Uthmaniyyah. Setelah itu, akhbar-akhbar bebas muncul di Mesir, dalam suasana kebebasan yang agak besar, sementara dalam wilayah Uthmaniyyah tiada kebebasan sepertinya diizinkan kepada akhbar.

Al-Waqā'i' al-Misriyyah adalah surat khabar Arab pertama di dunia. Diasaskan oleh Muhammad ‘Ali pada 1828, ia kekal sebagai satu-satunya akhbar di Mesir selama kira-kira empat puluh tahun, berfungsi sebagai perakam sejarah dan sebagai sekolah bagi melatih pengarang dan membimbing pembaca. Sebelumnya, Napoleon Bonaparte telah memperkenalkan mesin cetak sebagai alat propaganda setelah melanggar Mesir pada 1798. Selepas tempoh kemerosotan dan stagnasi ketika mana suratkhabar-suratkhabar yang bebas tumbuh dengan berhasil dan mengatasinya, *Al-Waqā'i'* memperoleh nafas baru dan mencapai

puncak kemasyhuran dan kemakmurannya dibawah keredaksian ‘Abduh. Setelah itu, dalam suasana politik yang berubah, ia kembali kepada kedudukannya yang biasa sebagai suratkhabar rasmi.

Sebahagian penulis menganggap *Al-Waqā'i'* sebagai akhbar Arab yang kedua, kerana didahului oleh buletin Arab yang diterbitkan oleh ekspedisi Perancis. Pandangan ini, menurut Sawi (1954) adalah keliru kerana salahtafsir terhadap catatan sejarah al-Jabartī (1904: 254-58) tentang *Dīwān* yang diwujudkan oleh pentadbiran Perancis. Ia hanya merupakan laporan dan maklumat (*al-Hawādith al-Yawmīyah*) yang diedarkan dalam lingkup tentera. Penerbitan *Al-Waqā'i'* telah mengurangi dominasi Turki Uthmaniyyah selama tiga abad dalam bahasa rasmi Turki dan membuka jalan kepada kebangkitan bahasa, kebudayaan, dan persuratan Arab dalam wilayahnya dan kesedaran kebangsaan yang meluas. Keluaran pertama *Al-Waqā'i'* diterbitkan dalam bahasa Arab dan Turki pada hari Selasa, Jamadil Awwal, 1344 H (bersamaan 3 Disember 1828). Dalam muka hadapannya, pengarangnya memaklumkan tujuan penerbitan *Al-Waqā'i'* yang menekankan nilai pengetahuan dan kecaknaan dengan peristiwa semasa. Sebagai contoh pembaharuan yang dibawa oleh Muhammad ‘Ali “sang dermawan” (*Wali al-Ni‘am*) dalam pelbagai bidang, dan sejauh mana penaklukan Mesir ke atas semenanjung Arab dan Sudan. Ia juga merujuk kepada pejabat pemerintah yang sebelum ini dipanggil “Diwan al-Jurnal” yang tujuannya menerima laporan dari jabatan-jabatan kerajaan dalam semua wilayah Mesir. Laporan ini kemudiannya dirumuskan untuk *Wali al-Ni‘am* dan pegawai-pegawai tingginya dalam bentuk buletin khas (jurnal). Akhirnya mengingat akan perluasan kepentingan Mesir dan akibat ketidakcekapan buletin sepertinya, *Wali al-Ni‘am* merasakannya sesuai untuk menyebarkannya kepada orang ramai dengan mendirikan suratkhabar (Sawi, 1954: 12)

Muhammad Ali memberikan perhatian peribadi kepada *Al-Waqā'i'*. Lebih dari sekadar suratkhabar rasmi, ia menganggapnya sebagai corong lidah rejimnya, yang akan menjelaskan rencananya dan mempertahankan dasarnya kepada orang ramai. Bahkan ia bertindak sebagai sarana pedoman dan pendidikan. Pada 1841, peraturan baru ditetapkan bagi akhbar tersebut, yang memasuki fasa baru di bawah kepimpinan Rifa‘ah Rafi‘ al-Tahtawi (1801-73), salah seorang pelajar yang dihantar ke Paris untuk melanjutkan misi pembaharuan Muhammad Ali pada 1826, dan anak murid kepada Shaykh al-Azhar, Hasan al-‘Attar, seorang ‘alim yang tercerah, cerdas dan progresif.

Rifa‘ah adalah perintis kepada Muhammad Abduh, yang meneruskan legasinya kira-kira empat puluh tahun kemudian. Di tangan Abduh, *Al-Waqā'i'* mencapai standard dan ketinggian yang jarang dibayangkan. Ia telah meninggalkan bekas intelektual yang nyata padanya. *Al-Waqā'i'* dihidupkan semula oleh Khedive Isma‘il (1863-79) setelah terpuruk di zaman ‘Abbas I (w. 1854) dan Sa‘id (w. 1863). Kurang dari sebulan setelah pengangkatannya, percetakan Būlāq telah diarahkan untuk meneruskan penerbitan *Al-Waqā'i'* yang dibredel sebelumnya. Pada 1865, Isma‘il telah mengambil alih pemilikan Būlāq daripada pemiliknya ‘Abd al-Rahman Rushdi, yang diberikan wewenang oleh Khedive sebelumnya, dengan membayar pampasan, dengan itu menebus kembali pemilikannya kepada pemerintah. Dalam suratnya kepada Menteri (Nāzir) Kewangan terkait pembelian semula hak milik tersebut, beliau menulis, “Tidak dipertikaikan bahawa surat khabar adalah sesuatu yang bermanfaat kepada penduduk dan juga kerajaan. Maka itu, saya ingin memasukkan “*Al-Waqā'i' al-Misriyah*” di kalangan surat khabar yang terkemuka” (Ibrahim ‘Abduh, 1949:45).

Ketika zaman pemerintahan Isma‘il, *Al-Waqā'i'* muncul sebagai salah satu akhbar yang berwibawa dan terhormat, bahkan kualitinya jauh lebih baik daripada yang pernah didapati sebelumnya. Beberapa bahagian ditambah, tumpuan yang khusus diberikan kepada pilihan penyunting dan kakitangannya di kalangan ulama yang tertinggi dari al-Azhar (ketua editor pada masa itu adalah Shaykh Ahmad ‘Abd al-Rahim, ulama Azhar yang berkelayakan). Untuk pertama kali, *Al-Waqā'i'* dijual kepada orang awam ketimbang kepada pelanggannya sahaja, dan mengandungi bahagian untuk pengiklanan, yang menjadi sumber utama pendapatannya.

Isma‘il dimakzulkan oleh Sultan Uthmaniyyah dan digantikan oleh puteranya Tawfiq pada Jun 1879. Riyad Pasha, yang menjadi Perdana Menteri pada September tahun yang sama, memikirkan untuk memperbaharui “*Al-Waqā'i'*” dan meninggikan standardnya. Dalam usahanya, ia mencari penulis yang mampu memulihkan surat khabar tersebut. Satu nama yang disyorkan kepadanya oleh rakan-rakannya, adalah Shaykh Muhammad ‘Abduh, ulama ‘Azhari yang muda.

Riyad mengabulkan cadangan tersebut, dan melantik ‘Abduh sebagai penolong editor di *Al-Waqā'i'* pada September 1880. Berikut laporan yang mengandungi rancangan untuk memperbaharui akhbar yang diserahkan oleh Muhammad ‘Abduh kepada Riyad, jawatankuasa yang dianggotai oleh Abduh dibentuk untuk meneliti persoalan tersebut, dan

beliau dilantik sebagai Ketua Editor untuk melaksanakan cadangannya (Muhammad Rashid Rida, 1931: 137-38) (Wilfrid Scawen Blunt, 1922: 378-79).

Meskipun hanya berlangsung kurang dari dua tahun, tempoh kepimpinan Abduh adalah zaman emas bagi *Al-Waqā'i'*. Ia menyaksikan transformasi yang revolusioner dalam watak jurnal yang rasmi. Di bawah pengarahan ‘Abduh, dan melalui penulisannya, *Al-Waqā'i'* kini dikeluarkan setiap hari, menjadi akhbar yang paling berpengaruh di Mesir pada masanya. Beliau menjadikannya mimbar dari mana ia mengajarkan orang ramai, mengkritik pemerintah sendiri, dan memimpin gerakan pembaharuan yang besar. Ketika tempoh ini, yang bersamaan dengan pemberontakan nasional menentang campurtangan asing dan kediktatoran Khedive yang terkait dengan nama Ahmad ‘Urabi, *Al-Waqā'i'* mengambil posisi sebagai penengah antara kerajaan dengan rakyat.

Ia “menanggapi rakyat dengan lidah pemerintah, dan menanggapi pemerintah dengan lidah rakyat” (Muhammad Rashid Rida, 1931: 180). Tempoh yang paling menarik dalam sejarah *Al-Waqā'i'* ini berakhir dengan pendudukan British ke atas Mesir pada September 1882. Muhammad ‘Abduh ditahan dan diasingkan dengan para pemimpin gerakan ‘Urabi, dan Mesir memasuki fasa baru kehidupannya. Untuk selanjutnya, *Al-Waqā'i'* meneruskan kerja-kerja penerbitan, tetapi merosot sehingga ia menjadi apa yang seharusnya dari mula, surat khabar rasmi. Perlahan-lahan bahan-bahan yang tidak rasmi dibuang, sehingga hanya pemberitahuan kerajaan sahaja yang tinggal. Ia masih diterbitkan hari ini oleh Percetakan Kerajaan di Kaherah, dengan terjemahan Perancis yang terpisah, dan mengandungi minit mesyuarat Parlimen, teks undang-undang, peraturan Kabinet, resolusi rasmi, keputusan peperiksaan umum, dan sebagainya (Ibrahim ‘Abduh, 1949: 174-98)

Pada asasnya, prestasi dan pencapaian terbaiknya adalah di zaman kepimpinan Abduh yang telah menunjukkan ketinggian dari segi tahap profesionalisme dan nilai kewartawanan yang dipamerkan sepanjang tempoh keredaksiannya serta penyelenggaraannya ke atas akhbar *Al-Waqā'i'* sebagai corong dan lidah rasmi pemerintah. Ia membawa nilai dan ide-ide pembaharuan yang kuat dan mengesankan yang mempengaruhi praktik kewartawanan umum dalam menegakkan aspirasi kebebasan dan menumbuhkan rasa empati dan keinsafan. Tulisannya banyak mempengaruhi praktik sosial dan keagamaan dalam mensintesikan nilai kebudayaan Islam dan Barat (Sedgwick, 2003), mengembangkan aspirasi kebebasan dan nilai persamaan dan keadilan. Hal ini turut dizahirkan dengan tuntas dalam konsepsualisasinya tentang agama dan nilai-nilai pluralisme—di mana ia terlibat secara intensif dalam perdebatan

berskala lokal dan global (Kateman, 2019: 2), dan merealisasikan tertegaknya hak serta prinsip kebebasan dan pembelaan suara dan kepentingan kaum proletar dan masyarakat terbanyak.

Dalam tradisi intelektual yang moden, karier kewartawannya mempunyai kepentingannya yang tersendiri dalam sejarah intelektual dan falsafah sosial yang dikembangkannya dalam mengangkat harkat dan martabat bahasa dan budaya. Kekuatannya dalam menggerakkan semangat pan-Islam di kalangan pembacanya di Mesir di kalangan pendukung Islam dan kaum nasionalis telah berhasil menggembling serta mempengaruhi pandangan umum tentang pelbagai isu politik dan budaya yang mendorong perkembangan aliran-aliran pemikiran, gerakan kebangsaan dan organisasi sosial yang signifikan seiring dengan perubahan semasa.

KESIMPULAN

Dalam kariernya sebagai jurnalis, Abduh telah menetapkan suatu tanda aras dalam praktik pelaporan yang efektif, sederhana dan seimbang, yang mengimbangi kepentingan kedua-dua pihak yang bersangkutan, pemerintah dan rakyat. Ini sedikit sebanyak telah memulihkan keyakinan umum terkait integriti media dan jurnalisme sekaligus menaikkan nama dan kedudukan akhbar yang diselenggarakannya *Al-Waqā'i' al-Misriyyah* sebagai pelopor utama dalam sejarah persurakhabaran moden di Mesir. Peranan yang dimainkannya dalam kegiatan politik yang mendominasi ruang awam berikut gerakan pemberontakan 'Urabi Pasya, telah menggerakkan kesedaran dan kebangkitan massa yang digemblingnya dalam menuntut perubahan dan islah ke arah keteraturan dan prinsip hukum dan pertanggungjawaban sosial serta tertegaknya proses pemerintahan dan tataurus yang adil, bebas dan demokratik. Rencana-rencana yang dihasilkannya menjelaskan konteks yang sebenar tentang isu-isu sosial, politik dan budaya yang signifikan dan mengesankan dan menyuguhkan penyelesaiannya yang tepat bagi kemaslahatan umum dan rakyat marhaen keseluruhannya.

PENGHARGAAN

Kami ingin merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi penghargaan kepada International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC-IIUM), khasnya Perpustakaan Syed Muhammad Naquib al-Attas, ISTAC (SMNA Library) yang banyak membantu dalam menyediakan bahan yang lengkap dan terkini berhubung dengan tajuk penyelidikan ini, sebahagiannya terdapat dalam koleksi khas dan simpanan arkib di sini.

RUJUKAN

- Al-Jabartī, ‘Abd al-Rahman. *‘Ajā’ib al-Āthār fī al-Tarājim wa ’l-Akhbār*. Jil. IV. Kaherah: t.tp, 1322/1904.
- Al-Sawi, Ahmad Husayn. “Muhammad ‘Abduh and Al-Waqā‘i’ al-Misrīyah” (Unpublished M.A. Thesis, Faculty of Graduate Studies and Research, McGill University, 1954)
- Amin, Osman. “Muhammad ‘Abduh the Reformer”. *The Muslim World*, Vol. 36, Issue 2 (April, 1946), 153-155.
- Alias, Adibah Yasmin; Saidin, Mohd Irwan Syazli; Hamil, Jamaie Haji. “The Influence of Muhammad ‘Abduh towards the Emergence of Fundamentalist-Reformist of Kaum Muda in Tanah Melayu (1900-1930)”. *KEMANUSIAAN*, Vol. 30, No. 2 (2023), 119-141.
- Browne, Edward G. *The Persian Revolution 1905-1909*. Mage Publishers, 2nd ed., 2006.
- C.C. Adams. *Islam and Modernism in Egypt: A Study of the Modern Reform Movement Inaugurated by Muhammad Abduh*. Cairo: The American University of Cairo, 1933.
- Hafiz Zakariya. “Muhammad ‘Abduh’s Reformism: The Modes of its Dissemination in Pre-Independent Malaysia”. *International Research of Shariah, Muamalat and Islam*, Vol. 2, No. 4 (2020), 43-54.
- Fadzil, Siddiq. *Shaykh Muhammad Abduh: Tokoh Gerakan Islah*. Shah Alam: UNISEL Press, 2023.
- Ibrahim ‘Abduh, *Tārīkh al-Tibā‘ah wa al-Sahāfah fī Misr Khilāl al-Hamlah al-Faransīyah*, jil. 3. Kaherah: t.tp., 1949.
- Kateman, Ammeke. *Muhammad Abduh and His Interlocutors: Conceptualizing Religion in a Globalizing World*. Brill, 2019.
- Masato Iizuka. “Muhammad ‘Abduh in the Period of ‘Urabi Movement: A Struggle for the Application of the Shari‘ah”. *Bulletin of the Society for Near Eastern Studies in Japan*, Vol. 33, Issue 2 (1990), 20-35.
- Muhammad Rashid Rida. *Tārīkh al-Ustādh al-Imām al-Shaykh Muhammad ‘Abduh*, jil. 1. Kaherah: Matbaah al-Manar 1931.
- Scharbrodt, Oliver. *Muhammad ‘Abduh: Modern Islam and the Culture of Ambiguity*. London: Bloomsbury Publishing, 2022.

Sedgwick, Mark. *Muhammad Abduh*. Cairo: AUC Press, 2003.

Thorsten Botz-Bornstein. “Nishida Kitaro and Muhammad ‘Abduh on God and Reason: Towards a Theology of Place”. *Asian Philosophy*, Vol. 32, No. 2 (2022), 105-125.

Wilfrid Scawen Blunt. *Secret History of the English Occupation of Egypt*. New York: t.tp, 1922.